

GAGASAN PENGISLAMAN SAINS : KEPENTINGAN DAN CADANGAN PELAKSANAANNYA

Oleh
NIK MOHD ROSDI NIK AHMAD
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN Pahang

ABSTRAK :

Kertas ini memuatkan perbincangan secara umum berhubung dengan perbandingan antara Sains Barat dan Sains Islam, realiti sains kini, hakikat pengislaman sains, rasional pengislaman sains, kepentingan pengislaman sains, langkah-langkah pelaksanaan dan beberapa halangan yang wujud di sekitar usaha untuk mengislamkan sains.

PENDAHULUAN

Tamadun yang dibina oleh manusia selalu sahaja lari daripada sumber asasinya apabila ketiadaan rasul atau membelakangkan penyebar risalah samawi. Keruntuhan tamadun manusia di zaman sebelum Islam hanya terubat dengan bermulanya penurunan wahya pertama yang memerintah manusia agar membaca dengan nama Tuhan Pencipta Manusia. Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud

*" Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan.
Menciptakan manusia dari sehelut darah (yang
bergantung). Bacalah!! Demi Tuhanmu yang Maha Mulia,
yang mengajar manusia dengan (perantaraan) qalam. Dia
mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya".¹*

¹Al-Qur'an, surah al-Alaq 96 : 1 - 5

Sains adalah keperluan asasi untuk menyelesaikan segala permasalahan dalam peradapan dunia. Tanpa sains struktur politik dan sosial masyarakat tidak mungkin dapat diperlihara bagi memenuhi keperluan asasi masyarakat dan budayanya. Namun begitu hala tuju sains hendaklah diselaraskan dengan kehendak wahyu. Apa yang menyedihkan, hari ini sains dikuasai oleh barat yang membelakangkan wahyu. Kerosakan demi kerosakan telah berlaku akibat daripadanya. Jelaslah firman Allah S.W.T, yang bermaksud:

*"Telah nyata kerosakan di darat dan di laut dengan sebab usaha dua tangan manusia supaya Allah merasakan mereka sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)."*²

Kerisauan mula dirasakan oleh seluruh penduduk dunia, akibat kerakusan sebahagian manusia yang tidak bertanggungjawab; memperkosa alam dengan sewenang-wenangnya, bersikap bongkak dan rakus seolah-olah mereka adalah tuhan yang boleh menentukan segalanya, tanpa mempersoalkan siapa mereka dan apa tanggungjawab yang mereka harus lakukan di bumi ini.

ANTARA SAINS BARAT DAN SAINS ISLAM

Secara umumnya, perbezaan antara sains barat dengan sains Islam, dapat dilihat melalui perspektif berikut:

- i. Sains Barat ialah : *"Ilmu yang mengkaji, menyelidik, menganalisis dan menentukan segala fakta dan objek yang wujud di alam fizik (tabie) yang berasaskan falsafah dan metodologi kebudayaan barat."*³
- ii. Sains Islam ialah : *"Ilmu yang mengkaji, menyelidik, menganalisis dan menentukan segala fakta dan objek yang wujud di alam fizik dengan menghubungkaitkan kewujudannya dengan alam metafizik bersumberkan wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah), berteraskan ajaran tauhid dan hukum-hukum perundangan Islam."*

²Al-Qur'an, surah al-Rum 30 : 30

³Antara ciri-ciri Sains Barat ialah : Sekularisme, Modenisme, Rasionalisme, Utilitarianisme, Hedonisme, Pragmatisme dll.

REALITI SAINS KINI

Kini Sains moden⁴ telah berkembang dengan matang di tengah-tengah peradaban Barat yang memisahkan antara hak Allah dengan hak Qaisar melahirkan suatu fahaman baru iaitu Sekularisme. Hasil daripada budaya ini telah melahirkan sains moden bersifat barat⁵ yang berteraskan *jibayah* dengan menolak *hidayah*.

Hari ini keruntuhan sains moden barat telah terserlah di celah-celah tamadun duniawi yang dibina dan disebar ke seluruh pelusuk muka bumi. Keadaan ini jelas apabila timbulnya gejala keruntuhan nilai-nilai kemanusiaan dan hidup di bawah bendera syaitan.⁶ Keruntuhan sains barat dapat dilihat dari semua sudut :-

- i. Dari sudut politik berlakunya penyalahgunaan kuasa; menindas golongan yang lemah, merampas hak golongan miskin yang begitu ketara. Hal ini terbukti jelas apabila teretusnya peristiwa yang berlaku di Bosnia Herzegovena, Algeria, Rwanda, Palestin dan lain-lain.

- ii. Dari sudut ekonomi pula wujudnya negara-negara miskin yang tidak dapat pembelaan yang sewajarnya. Sebagai contoh ialah Habsyah (Ethiopia). Ramai yang terpaksa menghadapi kebuluran kerana tidak mendapat simpati negara-negara membangun di seluruh dunia.

⁴Mengikut Kamus *The Oxford English Dictionary*, Sains Moden ialah: "Satu Cabang ilmu yang mengkaji sekumpulan pernyataan yang terbukti atau dengan fakta-fakta yang ditinjau dan disusun secara ber sistem dan dihimpunkan dalam bentuk hukum-hukum umum dan ia termasuklah kaedah-kaedah yang boleh dipercayai untuk menghasilkan kebenaran baru dalam lapangannya sendiri".

⁵Seorang penulis barat pernah menyebutkan : "di seluruh dunia, semua sains yang penting adalah bersifat barat dari segi gaya dan kaedah, tidak kira apakah wama kulit atau bahasa ahli sains itu". Lihat Ziauddin Sadar, *Islamic Future - The Shape of Ideas To Come*, terj. Mohd Sidin Ahmad Ishak, *Masa Hadapan Islam - Bentuk Idea Yang Akan Datang*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), Hlm. 166.

⁶Francis Bacon pernah mengatakan : "Alam terpaksa menyerahkan rahsianya kerana diseksa". Lihat *ibid*.

- iii. Dari sudut sosial pula, merebaknya berbagai bentuk keruntuhan moral di kalangan para saintis sendiri yang tidak bertanggung jawab mencipta sesuatu tanpa memikirkan akibat yang timbul hasil daripada ciptaan mereka, seperti keruntuhan akhlak remaja, kerosakan mental, fizikal (dengan pemakanan yang beracun), juga pencemaran udara yang membawa kerosakan pada lapisan ozon serta hidupan lain termasuk manusia, pencemaran air mengakibatkan banyak hidupan air musnah dan berbagai-bagai lagi.

Meneliti kepada fenomena tersebut, jelaslah betapa seriusnya keadaan persekitaran kosmologi dan seluruh sistem ekologi yang wujud di alam ini. Sebelum ianya kelihatan lebih parah lagi, pengambilan semula sains ke pangkuan Islam mestilah disegerakan.

PENGLISLAMAN SAINS

Pengislaman sains yang dimaksudkan di sini ialah "berusaha mengembalikan segala aktiviti sains supaya menepati kehendak wahyu (al-Qu'ran dan al-Sunnah); melalui cara memulakan aktiviti dengan nama Tuhan yang Menciptakan (BismillLah) menjalani dengan berpandukan syariat Allah dan mengakhirkannya dengan al-HamdulillLah".

RASIONAL PENGLISLAMAN SAINS

Hakikat sains adalah milik Allah secara mutlak, tidak seorangpun dibenarkan mengubah, meneroka, mengkaji sesuatu perkara yang berhubung dengan alam ini melainkan dengan izinNya. Kerana Dialah yang bersifat: **Al-Khaliq, Al-Bari', Al-Musawwir, Al-Qahhar, Al-Razzaq, Al-Fattah, Al-'Alim, Al-Khabir, Al-Hakim** dan lain-lain. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

"Tuhan yang bersifat (Al-Rahman), yang telah mengajar al-Qur'an. Dia menciptakan manusia, mengajarnya pandai berbicara. Malahari dan bulan (beredar) menurut perhitungan. Dan tumbuh-tumbuhan dan pohon-pohon kedua-duanya tunduk kepadaNya. Dan Allah telah meninggikan langit dan Dia telah meletakkan neraca (keadilan). Supaya kamu jangan melampaui batas tentang

*neraca itu. Dan tegakkantlah timbangan itu dengan adil dan jangan kamu menguangi neraca itu. Dan Allah meratakan bumi untuk makhluk(Nya). Di bumi itu ada buah-buahan dan pohon kurma yang mempunyai kelopak mayang. Dan biji-bijian yang berkulit dan bunga-bunga yang harum baunya. Maha ni'mat Tuhan kamu yang manakah yang kamu hendak dustakan?'*⁷

Islam mendahului semua tamadun lain mendukung gagasan keilmuan melalui penurunan wahyu Allah yang pertama, iaitu firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

*"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Menciptakan manusia dari seketul darah (yang bergantung). Bacalah!! Demi Tuhanmu yang Maha Mulia, yang mengajar manusia dengan (perantaraan) qalam. Diamengajar manusia apa yang tidak diketahuinya"*⁸

Berdasarkan wahyulah yang menggerakkan para ilmuan Islam meneroka dan mengkaji banyak bidang sains yang mengharumkan nama Islam serta membuka pemikiran Eropah yang masih dalam kegelapan tidak tahu tulis dan baca.

Kelemahan umat Islam hari ini adalah kerana terlalu bergantung kepada kuasa besar dunia yang tidak Islam, sedangkan mereka telahpun menghadapi jalan buntu ke arah manakah tamadun hendak di bawa⁹. Sedangkan kita telah diperingatkan oleh Allah S.W.T. dalam al-Qu'ran yang bermaksud:

⁷Al-Qur'an, surah al-Rahman 55 : 1-13

⁸Al-Qur'an, surah al-Alaq 96 : 1-5

⁹Pergantungan umat Islam kepada blok timur dan barat jelas terbukti apabila seluruh sistem politik, ekonomi dan sosial dikuasai dan dinominasi oleh kuasa-kuasa besar dunia yang kini dipegang oleh mereka. Lihat data-data yang dikemukakan oleh Fadhlullah Syua'aib, *Kitab Sucl al-Qur'an dan Sains Tabl'i*, cet. 1, (Shah alam, 1408H.) hlm. 108-110. Beliau memetik daripada "International Conference on Science in Islamic Policy" yang diadakan di Islamabad, Nov., 1983 dan Imam Khumaini, "Tahrir al-Wasllah", (Tehran, Jilid 1), hlm.485

"Dan orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan redha dengan cara hidup kamu sehinggalah kami mengikut pegangan hidup mereka. Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (Islam) itulah petunjuk yang benar.. Dan demi sesungguhnya jika kamu menurut hawa nafsu mereka sesudah datangnya pengetahuan kepada kamu (tentang kebenaran), maka tidaklah engkau akan peroleh daripada Allah (sesualupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada kamu".¹⁰

Ayat ini jelas melarang umat Islam daripada terus terikut dengan kesesatan yang dibawa oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani, sebaliknya hendaklah menginsafi dan segera bertaubat kembali ke pangkuan Islam.

Pengkajian sains kini sebahagiannya telah jauh lari dari matlamat asalnya untuk memberi manfaat kepada manusia dan membawa keharmonian kepada alam. Sebaliknya yang berlaku sebahagian daripada pengkajian dan penghasilan sains telah membawa kemusnahan manusia dan kehancuran kepada alam. Adakalanya matlamat pengkajian baik tetapi cara pelaksanaannya pula tidak betul. Sebagai contoh ialah bayi tabung uji. Walaupun matlamatnya baik untuk memberi kegembiraan kepada pasangan yang tidak dapat anak melalui proses kehamilan secara biasa, namun pelaksanaannya pula kadang kala bercanggah apabila mengambil benih dari pasangan lain. Keadaan seperti ini akan menyebabkan percampuran keturunan yang tidak diizinkan oleh syara'.

Masyarakat dunia hari ini telah menghadapi jalan buntu untuk menyelesaikan masalah pencemaran alam dan meraba-raba mencari alternatif baru sebagai jalan keluar kepada persoalan tersebut. Dalam hal ini Allah S.W.T. menjelaskan dalam firmanNya yang bermaksud :

"Dan kataulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada padanya. Bahkan Kami telah hurniakan kepada mereka al-Du'an yang menjadi sebulan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka al-Du'an yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerima".¹¹

¹⁰ Al-Qur'an, surah al-Baqarah 2 : 120.

¹¹ Al-Qur'an, surah al-Mu'minun 23 : 71

Tamadun duniawi yang dibina oleh manusia telah mengalami zaman tuanya, apabila gejala kekufuran dan kezaliman semakin menjadi-jadi akibat daripada perkembangan sains yang lari daripada landasan Islam. Ini bermakna dunia telah hampir ke ambang kemusnahan. Ingatlah firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

"Dan bukan sedikit negeri-negeri yang penduduknya mendurhakai perintah Tuhan mereka dan rasul-rasulNya, maka Kami hisab amal mereka satu persatu dengan hitungan yang keras rafi, serta Kami sehsahan mereka dengan azab yang tidak pernah dikenal dahsyatnya. Lalu mereka merasai kesan buruk dari perbuatan desahahnya, dan menjadilah akibat perbuatan mereka satu kerugian yang besar."¹²

Berdasarkan kepada beberapa kenyataan ini sudah cukup untuk menjadi pendorong betapa perlunya pengislaman sains dilakukan semenjak dulu lagi.

KEPENTINGAN PENGISLAMAN SAINS

Pengislaman sains bukan lagi menjadi tajuk perbincangan yang boleh didebatkan di kedai-kedai kopi atau mana-mana persimpangan jalan. Ia seharusnya difikirkan secara serius oleh seluruh dunia yang bergelar muslim, khususnya para ulama dan intelektual atau lebih tepat disebut saintis muslim, bergabung tenaga menjadi satu kekuatan agar dapat menjayakan projek besar iaitu Pengislaman Sains. Beberapa kepentingan usaha ini, boleh digariskan sebagai berikut :

- i. **Mengawal Kemurniaan Agama dan Wahyu.** Apabila pengislaman sains berjaya dilaksanakan nescaya kemurniaan sumber asasi tamadun Islam (al-Qur'an dan al-Sunnah) akan dapat dikawal dan dipelihara daripada gangguan tangan-tangan kotor yang ingin merosakkan agama dan membelakangkannya dalam pengkajian sains.

¹²Al-Qura'an, surah al-Talaq 65 : 8

- ii. **Mengawal Jiwa Manusia.** Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa kemusnahan manusia adalah akibat daripada perbuatan segelintir saintis yang tidak bertanggung jawab mencipta pelbagai senjata yang boleh membunuh untuk tujuan kepuasan nafsu segelintir pemimpin dunia yang rakus kuasa. Demikian juga dengan jenis-jenis makanan yang mengandungi berbagai unsur yang memusnahkan fizikal, mental dan spiritual manusia.
- iii. **Mengawal Akal Manusia.** Akal manusia memang lemah untuk memikirkan sesuatu yang di luar jangkauan penglihatan dan pendengarannya. Sebab itu wahyu diturunkan sebagai penunjuk jalan kepada akal dalam memikirkan sesuatu tentang alam ini. Proses mendekati akal dengan wahyu terpaksa disedarkan setiap insan agar minat untuk melihat dan mendengar ajaran wahyu. Kiranya diabaikan, nescaya akal manusia akan selalu sahaja dicemari dengan memikirkan sesuatu yang bersifat sementara iaitu dunia dan segala isinya, jauh lagi untuk memikirkan alam akhirat yang bersifat metafizik.
- iv. **Mengawal Keturunan Manusia** daripada bercampur aduk akibat daripada proses kehamilan yang dilakukan di luar rahim yang sering berlaku di negara-negara barat, sama ada dilakukan melalui proses tabung uji atau menggunakan ibu tumpang dan seumpamanya.
- v. **Mengawal Keharmonian Alam Sejagat** yang sentiasa diganggu oleh pencemaran akibat daripada asap-asap kotor dari kenderaan, kilang-kilang dan kebakaran sampah yang dilakukan tanpa kawalan.
- vi. **Mengawal Daripada Berlakunya Keruntuhan Akhlak** masyarakat akibat daripada penyalahgunaan alat-alat media cetak atau elektronik yang disalahgunakan. Demikian juga penciptaan-penciptaan pelbagai bentuk muzik dan alat hiburan yang *lagha* dan melekakan.

Demikianlah beberapa kepentingan yang dapat digariskan agar dapat dijadikan pengajaran bagi menyelamatkan alam sejagat daripada pemurkaan Allah yang diakibatkan oleh perbuatan manusia.

LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN

Antara langkah wajar yang perlu diambil bagi menjayakan proses pengislaman sains adalah seperti berikut.¹³

- i. Mengembalikan semula seluruh aktiviti sains agar selari dengan paradigme Tauhidik. Iaitu dengan cara menerangkan hakikat kesatuan alam, kesatuan ilmu dan kesatuan kebersebaban dan sebagainya dalam pemikiran sains.
- ii. Memulihkan kembali pemikiran para saintis tentang hakikat keTuhanan yang Esa menepati sifat-sifatNya sebagai Pencipta dan Pentadbir (dengan segala maksud dan rahsiaNya) sebagaimana yang tergaris dalam "**al-Asma' al-Husna**". Sebagai contohnya: **Al-Awwal, al-Akhir, al-Zahir, al-Batin, al-Qahhar, al-Jabbar, al-Muntaqim, al-Khabir, al-'Alim, al-Mubdi, al-Musawwir, al-Khaliq** dan lain-lain.
- iii. Menjelaskan hubungan yang berlaku antara alam ghaib dan alam nyata (tabie). Iaitu dengan menjelaskan hakikat *jabarut* dan *malakut* yang memmanifestasikan kewujudan alam syahadah. Melalui cara begini, pengkajian tentang manusia akan melibatkan pengkajian tentang ruh dan metafiziknya, pengkajian tentang haiwan, batu batan, logam dan sebagainya akan melibatkan pentafsiran tentang *jabarut* dan *malakutnya*.
- iv. Mengembalikan persepsi kesatuan (tauhid) dalam hubungan setiap fenomena alam. Contohnya perubahan-perubahan yang berlaku pada kimia misalnya, adalah berkaitan dengan program-program yang datang daripada Allah S.W.T. Setiap yang wujud di alam ini dilihat dalam keadaan berpasangan bagi melahirkan keseimbangan dan keharmonian pada alam.
- v. Menyusun perkaedahan "logik" dan "objektif" agar tidak menjadi Logicism dan objectivism. Islam menggalakkan penggunaan akal dan logik tetapi tidak sampai menolak wahyu.
- vi. Membetulkan konsepsi manusia sebagai makhluk istimewa sehingga dilantik sebagai khalifah di bumi, bertugas sebagai hamba kepada pencipta, tercipta melalui komponen roh dan jasad. Ini memaksa manusia mengikat hubungan dalam bentuk vertikal dengan Pencipta dan horizontal dengan alam (manusia dan lain-lain).

¹³ Lihat juga, Yaacob Yusof, *Pengembalian Semula Falsatan Sains Islam*, (kertas kerja Seminar Dalamuan UIS 303/353).

- vii. Membetulkan konsepsi manusia sebagai makhluk istimewa sehingga dilantik sebagai khalifah di bumi, bertugas sebagai hamba kepada pencipta, tercipta melalui komponen ruh dan jasad. Ini memaksa manusia mengikat hubungan dalam bentuk vertikal dengan Pencipta dan horizontal dengan alam (manusia dan lain-lain).
- viii. Membetulkan epistemologi ilmu sains. Sains mesti dilihat sebagai tuntutan agama yang ada hubungkaitnya dengan Fardhu Kifayah (tanggung jawab keTuhanan) padanya. Di samping itu juga sains hendaklah dilihat sebagai hidayah dari Allah yang dihasilkan melalui proses merenung dan mengkaji kosmologi yang wujud di alam nyata.
- ix. Mengarahkan sistem pendidikan bersepadu agar memberi penekanan kepada penguasaan al-Qur'an dan al-Sunnah yang menjadi sumber kepada Sains Islam di samping mengembalikan tradisi Islam dalam berbagai institusi sains.
- x. Mengumpul para ilmuan Islam yang menguasai ilmu-ilmu Islam sama ada dalam bentuk seminar, simposium, bengkel dan seumpamanya dengan tujuan untuk menganalisis serta mensintesis segala sains yang ada agar tidak bercanggah dengan semangat perundangan Islam. Sebagai contoh ialah bidang perubatan atau pengkelonan antara gins manusia dengan binatang atau bayi tabung uji dan seumpamanya.
- xii. Mengumpulkan semua para pendidik, saintis dan semua lapisan masyarakat untuk disedarkan betapa perlunya pengislaman sains dilaksanakan. Dalam masa yang sama dedahkan mereka dengan kursus-kursus kesedaran Islam dan bengkel yang membincangkan bidang keilmuan masing-masing dengan memasukkan semangat wahyu didalamnya.
- xiii. Mengawal dan menyekat segala kemasukan unsur-unsur negatif ke dalam minda masyarakat melalui media cetak atau elektronik, ceramah dan seumpamanya. Demikian juga aspek-aspek lain yang bercanggah dengan syariat Islam sama ada dalam ekonomi, politik, sosial, kebudayaan, kehakiman, ketenteraan dan lain-lain. Pendak kata semuanya mestilah dijuruskan kepada prinsip kesepaduan sains menurut perspektif Islam.

Semua langkah-langkah yang digariskan di atas, perlulah penglibatan semua; bukan sahaja di kalangan yang terlibat dengan aktiviti akademik tetapi juga pentadbir di semua peringkat. Semuanya adalah khalifah dan semuanya bertanggung jawab memastikan alam ini harmoni dan mendapat keampunan Ilahi.

BEBERAPA HALANGAN YANG WUJUD

Usaha mengislamkan sains ini, bukanlah suatu kerja yang mudah. Di samping usaha yang gigih yang sukar untuk diperolehi, banyak pula halangan-halangan yang ada diperjalanannya. Antara halangan-halangan timbul ialah:

- i. Lemah penguasaan al-Qur'an. Rata-ratanya umat Islam hari ini terlalu lemah dalam menguasai al-Qur'an; iaitu lemah membacanya, kurang memerhati maknanya, tidak menghayati perintahnya, gagal menyebarkan isi kandungannya. Kelemahan yang paling ketara jika ianya berlaku kepada mereka yang bergelar saintis atau pendidik.
- ii. Tidak mendapat kerjasama yang padu daripada semua mereka yang terlibat dalam program pengislaman sains disebabkan tidak mendapat penjelasan yang cukup berhubung dengannya atau memang sikap sambil lewa terhadap idea murni ini. Kiranya ada, tidak serius dalam pelaksanaannya.
- iii. Kekurangan tenaga pakar dalam bidang-bidang yang diperlukan disebabkan oleh tradisi keilmuan yang diterima daripada awal adalah hasil pusaka peninggalan penjajah dalam bentuk terpisah antara aspek ilmu duniawi dan ukhrawi.

PENUTUP

Kejayaan pengislaman sains adalah kejayaan umat Islam. Tanggung jawab untuk merealisasikannya adalah tanggung jawab semua. Keharmonian muka bumi adalah impian semua, namun ianya bergantung kepada semua saintis yang sedar betapa tanggung jawab

ini perlu didokong oleh saintis yang soleh dan bertaqwa. Setiap penyakit ada ubatnya, setiap kekusutan ada jalan penyelesaiannya dan setiap kesesatan ada jalan keluarnya. Ingatlah firman Allah S.W.T. dalam al-Qur'an yang bermaksud;

.... Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkan). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas dihatinya. Dan (ingallah) sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah telah melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.¹⁴

Apa yang penting ialah penglibatan dan usaha gigih dari semua yang memahami persoalan ini. Setelah itu bertawakallah kepada Allah S.W.T. semoga usaha kita diberkatinya.....

Wallahu A'alam.....

Kertas kerja ini pernah dibentangkan dalam Seminar Dalaman UIS 303/353

Disember 1994 di Pusat Pendidikan Islam

¹⁴ Al-Qur'an, surah al-Talaq 65 : 2-3

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Syeikh Abdullah Basmeih, **Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an**, Bah. Agama, JPM.

Ziaudin Sardar, **Islamic Future - The Shape Of Ideas To Come**, Terj. Oleh Mohd Sidin Ishak, **Masda Depan Islam Bentuk Idea Yang Akan Datang**, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Dr. Sidiq Fadhil, **(Pengislaman Ilmu - Peranan Para Cedikawan)**, **Jurnal Pendidikan Islam**, Bil. 3, Sept. 1985.

Prof. Dr.Kamal Hasan, **(Penghayatan Islam Dalam Mempelajari Dan Mengenal Ilmu)**, **Jurnal Pendidikan Islam**, bil. 3. 1985.

Fadhullah Hj. Shuaib, **Kitab Suci Al-Quran dan Sains Tabi'i**, Shah Alam, 1408H.

Syeikh Mohammad 'Abduh, **Al-Islam wa al-Nasraniyyah Ma'a al-'Ilm wa al-Madaniyyah**, terj. Mahyudin Syaf dan A bakar Othman, **Ilmu dan Peradaban Menurut Islam Dan Kristian**, Singapura, 1982.

Syed Hossein Nasr, **An Introduction To Islamic Comological Doctrins**, Terj. Baharudin Ahmad, **Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam**, Kuala Lumpur, DBP, 1992.

Sulaiman Nordin, **Sains Falsafah Dan Islam**, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Pengajian Umum., 1993

Muhammad Othman El-Muhammadi, **Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan**, cet. 2, Kota Bharu : Aman Press, 1982.

Baharudin Yatim dan Sulaiman Nordin, **Sains Menurut Perspektif Islam**, cet. 3, Bangi : UKM. 1990.